

13 APR 2000

Ong-MKKM

KERAJAAN AKAN SEGERA TUBUH MAJLIS KESELAMATAN KEBAKARAN

PETALING JAYA, 13 April (Bernama) -- Kerajaan akan menyegerakan penubuhan Majlis Keselamatan Kebakaran Malaysia (MKKM) yang berperanan menganjurkan program bagi meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap bahaya kebakaran.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Ong Ka Ting berkata majlis itu juga bertanggungjawab mempromosikan penggunaan sistem dan peralatan pencegahan kebakaran terbaru untuk diterima pakai di sektor perumahan dan perkilangan.

"Majlis ini akan dianggotai wakil kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO)," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Kempen Mencegah Kebakaran Peringkat Kebangsaan bagi Sektor Perumahan, di sini hari ini.

Beliau berkata Jabatan Bomba dan Penyelamat telah menyiapkan kertas cadangan penubuhan majlis itu yang berasaskan kepada Majlis Keselamatan Kebakaran Singapura.

Pihak kementerian masih meneliti kertas cadangan itu termasuk sama ada majlis berkenaan perlu didaftarkan dengan pendaftar pertubuhan atau tidak, katanya.

Kertas cadangan itu mengesyorkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilantik sebagai Penaung majlis manakala Pengerusinya ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ditanya mengenai Kempen Mencegah Kebakaran bagi Sektor Perumahan yang dilancarkan hari ini, Ong berkata kempen itu akan berlangsung selama tiga tahun iaitu antara Januari 2000 hingga Disember 2002.

Kempen kali ini bertemakan "Keselamatan Keluarga, Kesejahteraan Negara".

Beliau berkata kerajaan memberi tumpuan kepada sektor perumahan berikutan peningkatan jumlah kematian akibat kebakaran rumah dari 42 orang pada 1997 kepada 69 orang pada 1999.

Mengenai kejadian kebakaran membabitkan sektor perkilangan, Ong berkata kebakaran kilang berkurangan dari 380 kes pada 1997 kepada 246 kes pada tahun lepas.

"Pengurangan ini adalah kesan daripada Kempen Mencegah Kebakaran Peringkat Kebangsaan bagi Sektor Perkilangan yang dianjurkan kementerian selama tiga tahun antara 1997 hingga 1999," katanya.

-- BERNAMA

NY AKD